

24/05/1997

Syabas, Malaysia takluki Gunung Everest

PADA Jumaat, 23 Mei 1997, dua rakyat Malaysia memacakkan bendera negara di Gunung Everest. Dengan berkibarnya bendera negara di puncak gunung tertinggi di dunia itu, rakyat Malaysia sudah semestinya berasa megah kerana kita sudah menyertai kelab elit yang diasaskan oleh Sir Edmund Hillary dari New Zealand dan Sherpa Tenzing Norgay dari Nepal pada 29 Mei 1953. Kelab itu tidak ramai anggotanya kerana sehingga kini hanya rakyat beberapa negara boleh bermegah dengan kejayaan menjejak kaki di puncak setinggi 8,848 meter itu.

Kita mengucapkan syabas kepada N Mohandas, dan M Magendran. Nama-nama mereka pasti akan tercatat dalam sejarah negara sebagai wira negara. Kepada dua lagi pendaki, Gary Choong, dan Mohd Fauzan Hassan yang sepatutnya bersama-sama Mohandas dan Magendran menakluki Everest tetapi tidak dapat meneruskan misi mereka kerana masalah kesihatan, kita juga mengucapkan syabas. Malah seluruh pasukan seramai 20 anggota itu, juga boleh bergelar wira negara kerana berjaya dalam percubaan pertama mereka mengharungi salji tebal, angin kencang dan suhu di bawah paras beku sejak 1 Mac lalu untuk menakluki Everest.

Namun begitu, kejayaan pasukan itu atas semangat 'Malaysia Boleh' tidak dapat dipisahkan daripada hakikat bahawa ia adalah juga kejayaan seluruh rakyat Malaysia. Ia bukti jelas bahawa slogan 'Malaysia Boleh' bukan laungan kosong atau hanya untuk dipekikkan di perhimpunan ramai atau di arena sukan antarabangsa yang disertai pasukan negara. 'Malaysia Boleh' menunjukkan keazaman dan tekad rakyat ini dalam menjayakan hasrat atau cita-cita yang diidam-idamkan. Apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengilham dan melancarkan Projek Malaysia-Everest '97, pada 4 Jun tahun lalu, seluruh rakyat Malaysia terbabit dalam projek itu. Berpandukan semangat 'Malaysia Boleh' kos RM4.5 juta yang diperlukan untuk membiayai projek itu dapat dikumpulkan.

Adalah jelas bahawa kejayaan negara kita menakluki Everest membabitkan perancangan rapi dan pengorbanan seluruh rakyat dan individu. Oleh itu, perancangan rapi dan semangat yang menjayakan Projek Everest juga harus menjadi asas semua projek yang dirancangan untuk pembangunan negara, malah dalam semua bidang. Kita tidak boleh hanya mempunyai cita-cita besar tanpa membuat perancangan untuk mencapainya. Kita juga tidak boleh membuat perancangan saja, kerana tanpa pengorbanan dan semangat untuk menjayakannya, perancangan yang begitu teliti sekalipun tidak akan menjamin kejayaan. Seperti Projek Everest juga, pengorbanan rakyat serta individu akan dapat memastikan semua usaha kita untuk menjadi sebuah negara yang membangun dan disegani dunia pada masa depan akan tercapai.

Kita juga harus mengingati kembali kata-kata Dr Mahathir kepada anggota pasukan negara ketika melancarkan Projek Everest itu. Kata Perdana Menteri: "Jangan cuba jadi hero sehingga mengabaikan peraturan dan arahan. Ingatlah, anda lakukan itu bukan untuk diri sendiri tetapi untuk negara. Ekspedisi ini bukan tugas mudah. Kita harus menghadapi pelbagai rintangan dan bahaya. Apabila anda daki gunung itu kenalah berjaga-jaga. Ikutlah peraturan dan panduan. Jangan gopoh dan tergesa-gesa. Jangan tunjuk lebih berani daripada orang lain. Orang seperti ini tidak boleh dicontohi dan dianggap berani tapi dia cuma bodoh kerana tidak tahu bahaya yang dihadapi. Sebaliknya, kita perlu mengambil kira semua bahaya dan mengambil tindakan mengelakkannya."

Mungkin kata-katanya itu juga sesuai untuk menjadi pedoman sewaktu kita

melakukan sebarang kerja atau melaksanakan sesuatu projek pembangunan negara. Setiap cita-cita dan hasrat yang mahu dicapai negara kita boleh diibaratkan gunung tinggi yang hendak didaki. Semuanya perlu dirancang dan pelaksanaannya bukan untuk diri sendiri tetapi untuk negara. Ini bermakna seseorang itu harus bersedia berkorban dan tidak cuba meraih keuntungan peribadi. Pelaksanaan projek juga perlu menghadapi rintangan dan bahaya dan sudah semestinya ia tidak boleh dilakukan secara gopoh atau tergesa-gesa.

Gunung Everest bukan cabaran terakhir bagi rakyat negara ini. Dengan semangat `Malaysia Boleh' kita percaya rakyat Malaysia boleh menakluki banyak lagi cabaran pada abad ke-21.

(END)